

26/03/1999

Usah pakejkan acara baca puisi

Marzuki Ali

KEGIATAN baca puisi yang mula menjadi tradisi dan membudaya tumbuh dengan semarak di Malaysia, sesuatu yang harus dipandang penting. Menurut Datuk A Samad Said, kegiatan baca puisi mula dipraktikkan di Singapura oleh kelompok A S Amin, Noor S I, M Ghazali dan temannya dalam Angkatan Sasterawan 50-an (Asas 50).

Penggiat teater veteran, Matari Rahman pernah mengikuti Sayembara Baca Puisi di Singapura. Beliau satu-satunya wakil dari Malaya ketika itu dan menang dalam sayembara berkenaan.

Kegiatan baca puisi kemudian menular pada majlis pertemuan berkala apabila ditampikan melalui Radio Malaya (Radio Malaysia).

Puisi pada awal 1960-an dibacakan sendiri oleh penyair ternama tanah air dengan cara berlagu yakni tona suaranya sama tinggi pada akhir baris puisi seperti dibacakan murid sekolah pada hari ini.

Ruang Sastera di radio menjadi medan membaca puisi setiap minggu. Namun, pada sesuatu majlis, puisi dibaca kerana meraikan seseorang atau menguatkan persembahan tablo atau drama. Puisi dalam hal ini lebih mementingkan suara parau, temponya perlahan dan bernada melankolik.

Bagaimanapun, bagaikan ada satu rumusan yang disepakati, membaca puisi harus baku sebutannya dan tidak disebut dalam bahasa Johor Riau.

Memasuki 1970-an, penampilan membaca puisi tidak banyak berbeza. Namun, dengan adanya kegiatan sastera seperti Hari Puisi yang kali pertama diadakan di Pantai Kundur, Melaka (1971), sekelompok penyair menyampaikan puisi mereka dengan gaya tersendiri. Namun, masih tidak banyak perubahan ketara apatah lagi apabila alat penyampaian puisi terletak pada keaslian suara masing-masing. Beruntunlah individu yang memiliki suara serak-serak basah yang cukup memikat dan senang didengar orang ramai.

Wadah kelompok yang menghidupkan suasana berpuisi lebih terserlah dengan munculnya kumpulan menamakan diri mereka Anak Alam yang saban waktu terluang mengadakan acara baca puisi.

Latiff Mohidin dengan A Ghaffar Ibrahim dan teman lain memeriahkan acara dengan memasukkan unsur teater, gerak dan bermain ketika menyampaikan puisi.

Spontan lahirlah acara seperti Malam Cempaka Berbunga, diikuti kegiatan yang dikendalikan penyair yang bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur.

Tentu saja di samping membaca puisi ikut sama acara lain seperti melukis, lakonan dan nyanyian.

Sayangnya kegiatan Anak Alam berakhir apabila tempat kegiatan mereka di Kompleks Budaya Negara berpindah di pinggir Padang Merbuk, Kuala Lumpur.

Memasuki era 80-an, baca puisi cepat menjadi juadah anak muda apabila kota raya Kuala Lumpur yang membangun bersama semangat akrab memajukan budaya bangsa dan seniman seni lukis (seni rupa) turun ke jalan, menjajakan hasil karya mereka di Jalan Belanda dan di Jalan Masjid India yang kemudian membuahkan acara puisi jalanan.

Dengan berubahnya fizikal Central Market yang berwajah baru dan dinamai Pasar Budaya, maka semakin rancak acara baca puisi yang sifatnya tidak formal dikenali sebagai Baca Puisi Penyair Tiang Lampu!

Dekad ini memulakan semarak baca puisi dengan pelbagai kegiatan yang tumbuh dengan sifat serimonial cukup mengagumkan.

Grup Teater Elit (GTE) dengan acara baca puisi dwimingguannya di Hotel Abad dan berkembang dengan road shownya ke negeri-negeri mengheret tokoh

dan orang ternama dalam acara Malam Puisi Tanah Air.

Grup Teater Asyik Terengganu yang mula mekar mengadakan siri baca puisi dan Kompleks Budaya Negara yang mengadakan atraksi di Padang Sulaiman pula mengheret beberapa bintang filem dan aktor teater.

Badan berwibawa kerajaan pun ikut sama merencanakan acara puisi seperti Siri Baca Puisi Kuala Lumpur anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Baca Puisi Dunia Kuala Lumpur mula diperkenalkan hasil pengaruh beberapa penyair yang terbabit dengan baca puisi mancanegara seperti di Bangladesh, Strudga dan di Eropah anjuran DBP.

Pada 1987 bermula kegiatan baru yang diperkenalkan oleh Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Gapena) dengan Sayembara Deklamasi Puisi Hari Kebangsaan sempena Hari Kemerdekaan setiap tahun.

Johan pembaca puisinya diberikan penghormatan dengan membacakan puisi pada pagi sambutan ulang tahun kemerdekaan ke-30.

Kegiatan baca puisi tidak terhenti dengan masjid tajaan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia seperti Senandung Puisi Malaysia, bahkan syarikat tertentu seperti Utusan Melayu (M) Berhad juga turut menghidupkan dunia baca puisi dan menaja acara Malam Puisi Utusan yang turut dimeriahkan dengan penyertaan Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad serta bintang idola anak muda.

Begitu semarak dunia baca puisi apabila semua golongan mahu memperdengarkan puisi dan yang tidak pernah membaca pun mula cuba membaca buku puisi, maka baca puisi pun menjadi semakin popular!

Bagaimanapun, keghairahan membaca puisi di negara ini bukan kegiatan sepele sifatnya kerana bukan semua orang mampu membaca puisi yang boleh memikat khalayak.

Untuk memenuhi acara, sekeranjang nama disenaraikan untuk membaca puisi sehingga kadangkala ada peserta baru hendak mencari puisi untuk dibaca ketika acara sudah bermula.

Tentu saja acara yang seharusnya formal menjadi sebaliknya, apatah lagi apabila dibuat secara tangkap muat atau bidan terjun yakni sesiapa saja boleh tampil membaca apa jua puisi.

Berdasarkan pengalaman ini, majlis baca puisi mula lebih teratur dan terarah dan puisi yang memenuhi acara bersifat lebih selektif.

Justeru, lahirlah suasana lebih terancang lagi tersusun seperti acara baca puisi artistik - Projek Hati yang diadakan di DBP tahun lalu dan acara yang sama diadakan sempena Hari Puisi di Port Dickson, Negeri Sembilan, Januari lalu dengan nama Negeri Kalbu.

Bagaimanapun, usaha begini dilihat sebilangan orang termasuk penyair seperti bermula era menjadikan acara puisi seperti dagang pakej. Golongan berwibawa cuba memperolehi satu projek dan kemudian mempersiapkan tenaga penyair atau deklamator pilihan mengikut selera sendiri. Ia bagai mewujudkan konspirasi atau kronisme dalam dunia baca puisi.

Keadaan seperti ini adalah gejala baru yang memudahkan cara bekerja dan membabitkan soal pengurusan yang sering menimbulkan masalah.

Kegiatan acara baca puisi Projek Hati sebagai contoh, banyak membabitkan penyair dan bukan penyair termasuklah anak kecil.

Kegiatan yang sama berlaku pada baca puisi artistik Negeri Kalbu yang juga membariskan penyair dan bukan penyair bersama anak kecil. Sudah tentu penyair yang sering menyertai acara puisi bersifat nasional terkilan dan tersinggung namanya tidak disenaraikan.

Ramai penyair merungut pada Hari Puisi lalu kerana tidak dipilih mengambil bahagian sedang nama yang tidak terkenal dan anak pula terpilih membaca puisi.

Projek puisi artistik dilihat lebih mudah dari segi pengelolaan dan pengurusannya, tetapi seperti memulakan tradisi baru, menjadikan acara baca puisi projek tender atau pakej, akan lebih berbahaya!

Selain itu, bakal wujud pakatan kesukuan dan nonsuku dalam kelompok penyair atau deklamator.

Apapun yang terjadi, perkembangan dunia puisi memasuki era 90-an ini menampakkan kita membaca puisi bukan sekadar tuntutan suara istimewa kerana anugerah Allah, tetapi suara yang diolah, vokal yang menjadi dan berkat latihan saban waktu yang tidak mengenal jemu.

Hasil bacaan puisi atau dikenali sebagai deklamasi puisi, lebih terserlah dibawakan penyair yang sudah terolah suaranya dan disampaikan deklamator yang mendapat latihan formal menerusi asas teater.

Acara baca puisi lebih berkembang apabila khalayak dihadang dengan puisi yang cukup memikat dan relevan dengan suasana semasa beserta vokal dan gerak deklamatornya bertenaga.

Hal yang sedemikian tidak mudah dan murah di samping itu, perkara lain juga harus diperhatikan. Mereka yang dirangsang untuk mengadakan acara baca puisi khususnya, harus memerhatikan sama soal honorarium yang kadangkala terlepas pandang.

Di mana saja, honorarium kepada artis atau penyanyi lebih mahal berbanding penyair atau deklamator yang boleh diberi honorarium atas pertimbangan ala kadar seperti kos tambang saja!

Tentulah hal ini memalukan. Puisi dipopularkan antaranya bertujuan memberi rangsangan kepada penyair iaitu yang menulis puisi.

Malangnya, pada majlis baca puisi penulis puisi tidak memperoleh manfaat sewajarnya, malah terkadang ada orang lain pula mendapat keuntungan.

Oleh sebab penampilan deklamator di pentas adalah artis yang bisa mempersonakan dan kerana itu layaklah mereka mendapat honorarium.

Tidak semua mampu dan puisi adalah seni yang cukup bermakna dan gaya menyampaikannya juga harus cukup persediaannya.

Hidup baca puisi dan semarak puisi kita yang cukup bertenaga seperti tertunjanglah album atau antologi puisi yang puisinya terpilih dibacakan. Sesungguhnya puisi dibaca dan boleh merangsangkan hidup sehingga lebih lama - beribu-ribu tahun lagi!

(END)